



KEMENTERIAN KERJA RAYA

SIARAN MEDIA

**MAJLIS PEMBUKAAN JAMBATAN KEDUA PULAU PINANG
PADA 1 MAC 2014**

1. Upacara perasmian pembukaan Jambatan Kedua Pulau Pinang akan di laksanakan pada 1 Mac 2014 oleh YAB Datuk Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.
2. Bersempena dengan majlis pembukaan ini, satu karnival akan diadakan pada hari yang sama dari jam 10 pagi hingga 12 tengah malam. Karnival ini akan dirasmikan oleh Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada jam 4 petang, 1 Mac 2014.
3. Pelbagai aktiviti disediakan dalam karnival ini. Antaranya adalah beberapa perkhidmatan kerajaan seperti pembaruan kad pengenalan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, pembaruan lesen memandu oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, perkhidmatan nasihat e-perolehan, dan semakan pinjaman PTPTN.
4. Selain itu, karnival ini juga turut memberi peluang kepada peniaga-peniaga tempatan untuk berniaga di mana tapak-tapak gerai juga akan disediakan.
5. Aktiviti cabutan bertuah juga akan turut diadakan dengan 30 buah hadiah yang menarik. Para pengunjung juga berpeluang membeli cenderhati sempena pembukaan Jambatan Kedua Pulau Pinang sebagai kenang-kenangan.

6. Aktiviti akan turut dimeriahkan dengan persembahan daripada artis-artis tempatan.

7. Perasmian pembukaan Jambatan Kedua Pulau Pinang akan turut dihadiri oleh komuniti setempat, wakil-wakil rakyat, serta pemimpin-pemimpin persekutuan dan negeri, badan-badan bukan kerajaan dan wakil-wakil daripada kedutaan asing. Upacara ini dijangka akan dihadiri oleh 8,000 orang. Semua dijemput hadir.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
25 FEBRUARI 2014
10.00 PAGI**